

# Mahathir kekal ketua Umno Kubang Pasu tanpa tanding

ALOR SETAR, Sabtu — Datuk Seri-Dr Mahathir Mohamad, adalah antara lima tokoh setakat ini yang menang tanpa bertanding bagi jawatan ketua bahagian apabila pencalonan bahagian-bahagian Umno ditutup.

Perdana Menteri mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu.

Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin pula menang tanpa bertanding sebagai ketua bagi Umno Bahagian Merbuk setelah Ahli Exco Datuk Haji Zainol Abidin berpindah ke Bahagian Sik.

Timbalan Menteri Luar Negeri, Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir adalah tokoh pertama menang tanpa bertanding bagi mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Kulim-Bandar Baru.

Lain-lain tokoh yang menang tanpa bertanding setakat ini ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Datuk Haji Shaari Bakar bagi Bahagian Pendang dan Ahli Exco Negeri, Datuk Haji Khalid Abdullah bagi Bahagian Alor Setar.

Ahli Parlimen Kuala Kedah, Datuk Haji Abu Bakar Rautin Ibrahim adalah antara dua tokoh ketua bahagian yang akan dicabar dalam pemilihan kawasan masing-masing.

Seorang lagi ialah Pengurus Besar Bank Rakyat, Dr Abdul Hadi Derani yang akan mempertahankan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Kota Setar.

Datuk Haji Abu Bakar akan dicabar oleh Dr Ismail Mohd Noor manakala Dr Hadi akan dicabar oleh tokoh veteran Haji Omar Haji Ahmad.

Ketua bahagian yang masih belum diketahui kedudukan mereka ialah bekas Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahbuddin (Jerlun-Langkawi), Wakil Rakyat Merbau Pulas, Encik Mahmud Mat Zain (Padang Serai), Ahli Exco Negeri Datuk Haji Abdullah Ismail (Jerai), Ahli Parlimen Baling, Haji Seroji Haji Harun (Baling) dan Setiausaha Barisan Nasional Negeri, Haji Shuib Lazim (Sungai Petani).

Selain Merbuk, dua bahagian lagi akan mendapat tokoh baru sebagai ketua iaitu di Padang Terap dan Sik.